



eperolehan

SUARA ePerolehan

<http://home.eperolehan.com.my/bm/press/suara2009.aspx>

2009

Terima Kasih
di atas sokongan padu anda

Semoga tahun ini
membawa lebih
kejayaan untuk anda

Menarik
di dalam

Prestasi Transaksi &
Penggunaan Sistem
ePerolehan sehingga
Disember 2008

ms2-3

eCAT - Nadi penting
rangkaiannya
e-Dagang anda

ms4

Peluasan Penggunaan
Modul Sebut Harga dan
Tender melalui
Penguatkuasaan Surat
Pekeliling
Perbendaharaan

ms6

Alami perkhidmatan
cawangan Pusat
ePerolehan yang
berwajah serba baru

ms9

Pameran ePerolehan
sempena WCIT 2008

ms14

Lawatan Rasmi ke Pusat
Agensi Perolehan di
Republik Korea

ms15

Nilai Transaksi dan Aktiviti ePerolehan semakin rancak sepanjang tahun 2008



Sejak tahun 2005, nilai transaksi tahunan melalui sistem ePerolehan bagi urusan perolehan Kerajaan telah menunjukkan peningkatan iaitu daripada RM1.08 bilion kepada RM6.01 bilion sehingga akhir Disember 2008. Peningkatan ini sejajar dengan penambahan bilangan PTJ **eP-enabled** dan penggunaan modul-modul lain yang terdapat di dalam sistem ePerolehan.

Namun begitu, penggunaan sistem ePerolehan ini secara keseluruhannya masih rendah jika dibandingkan dengan jumlah peruntukan tahunan untuk bekalan dan perkhidmatan Kerajaan bagi tahun 2008.

Tahun 2008 menyaksikan pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi merealisasikan anjakan ini antaranya menaiktaraf kapasiti dan kelajuan sistem serta penambahbaikan secara berterusan modul-modul di dalam sistem ePerolehan. Ia juga turut disokong dengan komunikasi dan latihan yang berterusan. Perkhidmatan dan bantuan yang berterusan telah dipertingkatkan dengan pembukaan kaunter Pusat ePerolehan di tiga negeri iaitu Perak, Johor dan Pulau Pinang serta menaiktaraf talian khidmat pengguna ePerolehan.

Tahun 2009 dan seterusnya merupakan era anjakan komitmen penggunaan ePerolehan apabila baki 310 PTJ akan menjadi **eP-enabled** dan melengkapkan keseluruhan 2,559 PTJ eP-enabled seluruh negara.


Aktiviti komunikasi dan latihan kepada Pembekal telah diperluaskan di setiap negeri menerusi taklimat ePerolehan, bengkel mingguan tentang kaedah pendaftaran pembekal dan langganan pakej katalog permulaan secara percuma.

Persediaan ini juga haruslah seimbang dengan amalan peralihan budaya kerja, etika dan akauntabiliti semua pihak terlibat bagi memastikan sistem ePerolehan ini dapat digunakan secara efisien.

Kami mengucapkan terima kasih kepada semua agensi Kerajaan dan pihak swasta yang terbabit secara langsung dengan pelaksanaan sistem ePerolehan sepanjang tahun 2008. Nantikan program dan berita-berita lanjut mengenai ePerolehan di edisi akan datang.

Selamat menyambut tahun baru 2009 dari kami di ePerolehan.

Prestasi Transaksi ePerolehan bagi Tahun 2008



SIDANG REDAKSI SUARA ePEROLEHAN EDISI 18

Penasihat Eksekutif

Nor'aini Abdul Razak
Madzli Tasrin Othman

Editor Bersama

Wan Siti Eshah Wan Ahmad
Hafidz Ahmad Zehnun

Penolong Editor

Muhammad Azlan Zakaria

Penulis

Hafidz Ahmad Zehnun
Muhammad Azlan Zakaria
Nurshafina Mohd Yusoff

Kreatif

Hafidz Ahmad Zehnun
Salinawati Sani
Muhamad Effendi Abdul Rahman

Fotografi

Samsuri Sabari
Abd. Rahman Yusof

Sekretariat Penerbitan

Hafidz Ahmad Zehnun
Salinawati Sani
Nur Aaina Najiah Mohamedsha

Komunikasi Korporat

Suriati Mohd Mokhtar



Penyelaras Projek



Unit ePerolehan
Kementerian Kewangan Malaysia
uniteperolehan.gov.my

Pembangunan dan Pengurusan Sistem

commercedotcom
commercedc.com.my

2009 CDCSB. Hak Cipta terpelihara

Alamat surat-menyurat:

Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
Tingkat 2, Wisma AMTEK, Jalan Tandang
46000 Petaling Jaya, Selangor.

Emel: editor_suaraeP@commercedc.com.my

Tel: 03 - 7985 7777

Percetakan: Reign Associates Sdn. Bhd.

Pencapaian Penggunaan Modul-modul ePerolehan oleh Kementerian pada Tahun 2008

Bil. Kementerian/Jabatan	Kontrak Pusat		Pembelian Terus		Kontrak Kementerian		Sebut Harga		Tender		eBidding	
	Bil. Transaksi	Nilai (RM) Transaksi	Bil. Transaksi	Nilai (RM) Transaksi	Bil. Transaksi	Nilai (RM) Transaksi	Bil. Transaksi	Nilai (RM) Transaksi	Bil. Transaksi	Nilai (RM) Transaksi	Bil. Transaksi	Nilai (RM) Transaksi
1. JABATAN PERDANA MENTERI	2	14,298	50,290	397,951,694			4	798,997				
2. KEM. BELIA & SUKAN			11,535	80,974,687			2	367,500	2	1,354,440		
3. KEM. DALAM NEGERI			68,809	1,153,501,468	79	132,119,780	2	398,000	1	200,000		
4. KEM. KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH			7,050	54,199,574								
5. KEM. KERJA RAYA			10,173	50,216,231					2	990,000		
6. KEM. KESIHATAN	15	10,453	121,082	1,064,464,523	376	41,044,439						
7. KEM. KEWANGAN	1	1,312	22,703	132,899,867	3	332,592	1	135,000			14	15,382,540
8. KEM. LUAR NEGERI			2,526	18,083,774								
9. KEM. PELAJARAN			41,143	491,862,128	445	174,596,427			1	200,000		
10. KEM. PELANCONGAN	1	3,920	2,017	16,355,602								
11. KEM. EMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI			2,525	34,417,515								
12. KEM. PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA & MASY			5,102	54,686,601			1	190,000			1	245,059
13. KEM. PENERANGAN			6,862	45,637,809	2	317,042						
14. KEM. PENGAJIAN TINGGI			11,234	105,431,134								
15. KEM. PENGANGKUTAN			11,469	106,938,809								
16. KEM. PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI			1,800	9,187,454								
17. KEM. PERDAGANGAN DALAM NEGERI & HEP			2,739	24,340,809								
18. KEM. PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN & WARISAN			8,048	75,971,024	2	181,320	1	190,000	1	634,978		
19. KEM. PERTAHANAN	5	64,782	61,474	1,080,912,215	198	6,699,083					56	13,155,048
20. KEM. PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI			17,470	161,854,079	63	43,261,438	9	1,401,901	1	2,600,000		
21. KEM. PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN			16,214	147,595,285								
22. KEM. PERUSAHAAN PERLADANGAN & KOMODITI			821	2,274,232								
23. KEM. SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI			7,354	71,953,819								
24. KEM. SUMBER ASLI & ALAM SEKITAR	1	1,422	10,452	83,672,061			9	1,269,565				
25. KEM. SUMBER MANUSIA	1	730	10,127	118,306,283	165	7,827,470						
26. KEM. TENAGA, AIR & KOMUNIKASI			598	3,912,716	3	1,179,999						
27. KEM. WILAYAH PERSEKUTUAN			1,276	11,600,188								
Jumlah Transaksi	26	96,917	512,893	5,599,201,580	1,336	407,559,590	29	4,750,963	8	5,979,418	71	28,782,647

Pencapaian PTJ-PTJ Berstatus eP-enabled oleh Kementerian

Bil. Kementerian	Bil. PTJ	PTJ eP-enabled	Bil. PTJ Aktif
1. KEMENTERIAN DALAM NEGERI	311	260	224
2. KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	421	391	332
3. KEMENTERIAN PERTAHANAN	102	100	97
4. KEMENTERIAN PELAJARAN	262	173	146
5. JABATAN PERDANA MENTERI	230	229	232
6. KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	20	19	19
7. KEMENTERIAN KEWANGAN	137	126	128
8. KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA	242	179	108
9. KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	125	87	74
10. KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	77	61	53
11. KEMENTERIAN PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN	52	43	29
12. KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	29	32	20
13. KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	38	35	34
14. KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR	137	86	68
15. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	97	66	58
16. KEMENTERIAN KERJA RAYA	53	50	47
17. KEMENTERIAN PENERANGAN	67	60	46
18. KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	20	19	13
19. KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	60	60	60
20. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI	22	16	5
21. KEMENTERIAN PELANCONGAN	9	6	5
22. KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA	25	21	17
23. KEMENTERIAN LUAR NEGERI	3	3	3
24. KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI	11	7	4
25. KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	4	3	3
26. KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI	4	5	3
27. KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	1	1	2
Jumlah Keseluruhan	2,559	2,138	1,830

* PTJ: Pusat TanggungJawab

eCAT - Nadi penting rangkaian e-Dagang anda

Kecenderungan global melakukan pembelian dalam talian atau dikenali sebagai 'online shopping' bagi tahun 2008 telah melonjak sebanyak 40% berbanding tahun 2002. Perkembangan pesat ini menunjukkan kedua-dua pihak pembeli dan pembekal masing-masing menyedari kelebihan 'online shopping' sebagai satu medium pilihan bagi perniagaan dan perdagangan.


Di Malaysia, pembelian dalam talian mula mendapat tempat di kalangan pengguna. Dianggarkan 39% pengguna telah membuat pembelian secara dalam talian. Walaubagaimanapun, statistik menunjukkan hanya 20% dari jumlah keseluruhan SME dan SMI yang berjumlah lebih 100,000 syarikat mempunyai laman web dan menyediakan perkhidmatan pembelian dalam talian.

Berdasarkan perspektif pembeli, pasaran elektronik menyokong tiga (3) kategori aktiviti iaitu:

- Pra-Pembelian - carian maklumat, perbandingan ciri-ciri produk dan ulasan produk;
- Penyempurnaan Pembelian - pesanan, pembelian dan pembayaran; dan
- Interaksi selepas Jualan - penghantaran dan khidmat pelanggan

Dari sudut penjual pula, ia menyediakan:

- Satu set sistem yang membenarkan penjual untuk mencipta, mengemaskini dan menyelenggara katalog produk



- Proses pesanan dan pembayaran elektronik
- Peluang persaingan pemasaran perniagaan yang lebih luas tanpa kos operasi yang tinggi

Pembekal-pembekal Kerajaan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia kini mempunyai satu kelebihan untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka secara interaktif melalui sistem katalog dalam talian.

eCAT adalah platform e-dagang yang membekalkan antaramuka yang cepat, mudah dan efektif. Sistem ini

telah dilancarkan pada 1 April 2008 bagi menggantikan Sistem MyKatalog.

Melalui eCAT, potensi pembekal untuk memperluaskan pasaran kepada agensi-agensi Kerajaan kini lebih mudah dengan hanya melayari laman web dan mencari produk-produk yang diperlukan dengan pilihan yang lebih luas lengkap dengan maklumat yang lebih terperinci pada bila-bila masa.

Ciri-Ciri eCAT

- Mempamerkan katalog produk dan perkhidmatan mengikut Kod Bidang Pembekal contohnya 020101 (Alat Kelengkapan Pejabat dan Kediaman: Perabot dan Kelengkapan);
- Maklumat jenis Pembekal sama ada Pembuat, Pengehad atau Pembekal;
- Carian kata kunci bagi mempermudah carian produk: contohnya, Mesin fotostat;
- Maklumat lengkap setiap produk iaitu terma pembayaran, penghantaran dan tempoh jaminan;



Tahukah anda?

Setiap Pembekal yang sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia melayakkan anda untuk melanggan sistem eCat secara

PERCUMA*

Rebutlah peluang keemasan ini untuk memuatnaik produk dan perkhidmatan anda dan alamilah kelebihan-kelebihan sistem eCat ini.

* Percuma untuk 30 item katalog pertama sahaja. Tertakluk kepada Terma dan Syarat

- Maklumat lengkap harga produk mengikut harga pasaran, promosi, peringkat harga dan zon;
- Pamer gambar produk sehingga 2MB bagi setiap gambar; dan
- Tadbir urus katalog sendiri tanpa had sepanjang tempoh langganan

Kelebihan eCAT

Antara kelebihan-kelebihan eCAT untuk Pembekal adalah:

- Sistem eCAT merupakan katalog elektronik rasmi bagi sistem ePerolehan yang diakses oleh sejumlah 2,584 agensi kerajaan seluruh Malaysia;
- Mudah untuk diakses di mana sahaja pada bila-bila masa menggunakan komputer dan talian Internet;
- Kos pencetakan katalog pemasaran dan komunikasi dapat dikurangkan;
- Pertukaran maklumat produk/perkhidmatan dapat dilakukan oleh Pembekal dan pada bila-bila masa mengikut strategi pasaran dan kompetitif.

Bersempena dengan pelancaran sistem eCAT ini, Commerce Dot Com Sdn. Bhd. selaku pengendali sistem ini menyediakan sesi latihan dan tunjuk ajar secara percuma pada setiap minggu bagi para Pembekal mendapatkan pengetahuan menyeluruh tentang penggunaan sistem eCAT ini.

Layari www.commercedc.com.my/ecat/



Contoh borang maklumat katalog yang boleh diperolehi dari laman web eCat

Penguatkuasaan Penggunaan Sebut Harga dan Tender

Melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 6 Tahun 2008 yang Berkuatkuasa pada 29 September 2008

Penggunaan Modul Sebut Harga dan Tender di dalam sistem ePerolehan mula diperkenalkan sejak tahun 2005. Sehingga kini, sebanyak 328 bilangan Sebut Harga dan 154 Tender telah dilaksanakan menggunakan modul tersebut.

Sepanjang tempoh 3 tahun pelaksanaannya secara perintis, banyak pengubahsuaian dan penambahbaikan terhadap modul tersebut telah dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memenuhi kehendak para pengguna yang terdiri dari pelbagai lapisan Agensi/Kementerian perintis dan Pembekal. Proses-proses utama dari penyediaan awal Sebut Harga dan Tender sehingga proses penilaian masih dikekalkan. Pembaharuan telah dilakukan dari segi penggunaan sistem teknologi

maklumat bagi memperkemas proses-proses tersebut di samping meningkatkan tahap ketelusan, penjanaan laporan dan penstoran maklumat yang lebih lengkap bagi membantu membuat keputusan.

Sejak penggunaan kedua-dua modul tersebut, para pembekal yang terlibat juga memberikan reaksi yang amat positif di mana pembelian dokumen tender dikecualikan melalui sistem ePerolehan ini.

Bagi merealisasikan penggunaan secara aktif oleh Agensi Kerajaan, Unit ePerolehan dan Commerce Dot Com Sdn Bhd telah menganjurkan sesi taklimat bagi Modul Sebut Harga dan Tender kepada semua PTJ pada 24 hingga 26 Jun 2008 bertempat di Dewan Teater Perbendaharaan Malaysia, Putrajaya.

Sesi Taklimat tersebut yang dirasmikan oleh Pengarah Unit ePerolehan, Tuan Haji Abd. Shukor Ibrahim bertujuan untuk memberi pendedahan dan persediaan awal kepada semua Agensi/Jabatan Kerajaan mengenai perolehan bekalan dan perkhidmatan secara sebut harga dan tender melalui sistem ePerolehan.

Seramai 523 peserta melibatkan 136 PTJ telah menghadiri sesi taklimat sepanjang tiga hari tersebut.

Penguatkuasaan SPP Bil. 6 Tahun 2008 ini mewajibkan semua PTJ yang telah eP-enabled agar menguruskan perolehan secara sebut harga dan tender melalui sistem ePerolehan.



• Pengarah Unit eP, Tn Haji Abd Shukor Ibrahim mengalu-alukan kedatangan semua peserta jemputan



• Sebahagian daripada jemputan yang sedang khusyuk mendengar taklimat sepanjang hari



• Panel Sesi Soal Jawab
Dari kiri: En. Samsuri Sabari (Unit eP), En. Othman Semail (BPK), Pn. Nor'aini Abd Razak (Unit eP), Pn. Norhisah Mohd. Nor (CDC), dan En. Johari Ismail (Unit eP)

Pihak Pembekal juga dinasihatkan agar sentiasa melayari pautan Papan Kenyataan Sebut Harga dan Tender di laman web utama www.eperolehan.gov.my bagi mengetahui maklumat-maklumat terkini senarai pelawaan Sebut Harga dan Tender oleh Agensi dan Jabatan Kerajaan.

Maklumat sebut harga dan tender juga boleh diperolehi dengan cepat dan mudah menerusi langganan melalui perkhidmatan **Tender2u.com**. Ianya menyediakan perkhidmatan notifikasi kepada Pembekal melalui pelbagai medium pilihan seperti emel, faks dan sms. Lawati laman web www.tender2u.com untuk mendapatkan keterangan lanjut dan khidmat langganan.

Soalan Lazim dan penerangan ringkas mengenai SPP Bil. 6 Tahun 2008

S1: Apakah tindakannya jika PTJ yang berstatus eP-enabled tidak menggunakan sistem eP bagi modul Sebut Harga dan Tender.

J1: Semua PTJ adalah tertakluk dan dikehendaki mematuhi peraturan kewangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Unit Audit Dalam Kementerian/Jabatan perlu memantau semua PTJ agar mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

S2: PTJ saya telah eP-enabled, tetapi bagi pelaksanaan modul Sebut Harga dan Tender ini, kebanyakan penggunanya berlainan dan belum pernah menjalani sebarang latihan asas penggunaan eP?

J2: Istilah PTJ eP-enabled ini diberikan kepada PTJ yang telah berjaya menjalani sesi latihan asas eP melalui surat dan sijil Go-Live yang dikeluarkan oleh Unit ePerolehan. PTJ eP-enabled yang berhasrat untuk melaksanakan penggunaan Modul sebut harga dan tender perlu menghubungi Unit ePerolehan atau Pegawai Penyelaras Kementerian CDCSB bagi mendapatkan sesi taklimat dan bantuan khusus sebagai persediaan sebelum menggunakan Modul Sebut harga dan Tender tersebut.

S3: Adakah semua Jawatankuasa di bawah modul Sebut Harga dan Tender akan diberikan latihan dan siapakah yang mengendalikannya?

J3: Semua Jawatankuasa yang terlibat di dalam modul Sebut Harga dan Tender akan diberikan latihan oleh Unit eP dan CDCSB sekiranya diperlukan.

S4: Setiap transaksi melalui sistem eP akan dikenakan Fi, 0.8% dan dihadkan pada RM9,600 jika nilai transaksi melebihi RM1.2 juta. Melalui modul Sebut Harga dan Tender, kenaan fi tersebut mungkin boleh melebihi RM9,600 jika dilakukan secara milestone, jadual berkala dan sebagainya. Adakah pembekal sedia maklum mengenai perkara ini?

J4: PTJ perlu mengenalpasti bekalan/perkhidmatan yang ingin diperolehi sama ada menggunakan kaedah milestone, jadual berkala dan sebagainya sebelum sesuatu proses Sebut Harga dan Tender dilakukan. Kaedah tersebut berserta fi 0.8% perlu dihebahkan kepada pembekal melalui sesi taklimat dan dokumen tender.

S5: Bagaimanakah syarat terma caj perkhidmatan 0.8% ini dimaklumkan kepada para pembekal?

J5: Setiap Kementerian/Agensi yang menggunakan Modul Sebut Harga dan Tender ePerolehan dinasihatkan agar meletakkan syarat terma caj perkhidmatan 0.8% ini secara jelas di dalam isi kandungan kontrak perolehan secara sebut harga dan tender kepada pembekal yang terpilih. Ini bagi mengelakkan sebarang kekeliruan pada masa hadapan. Contoh teks perenggan tersebut boleh diperolehi melalui laman web www.uniteperolehan.gov.my di bawah menu 'muat turun'

S6: Berapa lamakah pihak kami boleh mendapat keputusan dari Unit ePerolehan jika PTJ saya memohon pengecualian dari penggunaan modul Sebut Harga dan Tender menerusi Lampiran III SPP Bil. 6/2008?

J6: Setiap permohonan pengecualian dari PTJ akan dikendalikan oleh Pihak Unit eP dan akan memaklumkan keputusan dengan serta merta tidak lebih dari 5 hari bekerja.

S7: Mengapa setiap pembekal wajib menghantar tawaran cadangan mereka secara atas talian dan juga serahan secara manual?

J7: Serahan tawaran manual ini bertujuan sebagai bahan sokongan jika berlaku sebarang perkara yang tidak diingini semasa proses penghantaran secara atas talian.

S8: Bagaimana jika pembekal menghantar tawaran secara atas talian tetapi tidak menghantar secara manual? Adakah pembekal boleh menyertai pelawaan Sebut Harga dan Tender tersebut?

J8: Pembekal perlu menghantar tawaran secara atas talian dan manual. Pembekal yang tidak memenuhi keperluan tersebut tidak boleh menyertai perolehan Sebut Harga dan Tender yang dilakukan.

S9: Pembekal ada mengakses ringkasan Sebut Harga di laman web sistem eP tetapi tidak boleh menyertainya. Bagaimana ini boleh berlaku?

J9: Pembekal boleh melihat ringkasan Sebut Harga di laman web sistem eP. Sekiranya berminat, pembekal perlu kunci masuk ke dalam sistem eP menggunakan medium akses dan memilih menu 'request for quotation'. Pembekal hendaklah berdaftar dahulu dengan Kementerian Kewangan dan memiliki medium akses serta kod bidang diperlukan sebelum boleh menyertai Sebut Harga berkenaan.

Taklimat Pembekal ePerolehan seluruh Malaysia melabuhkan tirai tahun 2008 dengan sambutan yang baik

Sesi Taklimat Pembekal ePerolehan anjuran Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan Malaysia dan Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDCSB) yang telah bermula pada tahun 2007 merupakan satu kaedah yang terbaik bagi pihak Kementerian dan CDCSB bertemu dengan komuniti pembekal Kerajaan Persekutuan seluruh negara bagi mempromosi dan memberi penerangan mengenai sistem ePerolehan.

Sesi taklimat yang diadakan secara percuma ini merupakan satu peluang bagi pembekal untuk mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam mengenai polisi dan kaedah-kaedah urus niaga dengan Kerajaan Persekutuan melalui sistem ePerolehan. Di samping itu, pembekal boleh mendapatkan promosi pakej-pakej keperluan pembolehan ePerolehan dengan kadar harga diskaun yang amat berpatutan. Program ini juga membuka ruang kepada para pembekal untuk berkongsi pandangan dan pengalaman mengenai penggunaan sistem ePerolehan melalui sesi dialog yang diadakan.

Bagi tahun 2008, lokasi sesi taklimat ini telah diperluaskan merangkumi 12 negeri bagi memenuhi permintaan komuniti perniagaan yang amat menggalakkan. Sepanjang tahun 2008, sebanyak 12 sesi telah berjaya diadakan dan dihadiri oleh 1,692 pembekal seperti berikut:-

Layari laman web www.eperolehan.gov.my setiap masa bagi mengetahui jadual-jadual terkini sesi Taklimat Pembekal ePerolehan pada tahun 2009. Para pembekal juga kini boleh menempah kehadiran mereka ke taklimat tersebut secara 'online' melalui laman web di www.commercedc.com.my

Para Pembekal yang masih belum berdaftar dengan Kementerian Kewangan adalah digalakkan membawa bersama dokumen-dokumen sokongan bagi serahan semasa membuat proses pendaftaran Pembekal.



Negeri	Tarikh	Lokasi
Melaka	13 & 14 Mac 2008	Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka
Negeri Sembilan	18 & 19 Mac 2008	Politeknik Port Dickson
Perak	17 & 18 April 2008	Politeknik Ungku Omar, Ipoh
Johor	8 Mei 2008	Institut Kemahiran MARA, Johor Bahru
Pahang	26 & 27 Jun 2008	Politeknik Sultan Haji Abdul Shah
Kedah dan Perlis	22 & 23 Julai 2008	Kompleks Penerangan & Penyiaran, Alor Setar
Pulau Pinang	6 & 7 Ogos 2008	Institut Latihan Perindustrian, Kepala Batas
Terengganu	26 & 27 Ogos 2008	Institut Latihan Perindustrian, Kuala Terengganu
Kelantan	21 & 22 Oktober 2008	Politeknik Kota Bharu, Ketereh
Sabah	3 November 2008	Institut Latihan Perindustrian Labuan dan Kota Kinabalu
Sarawak	26 & 27 November 2008	Institut Latihan Perindustrian, Semarakan, Kuching

Alami perkhidmatan Cawangan Pusat ePerolehan yang berwajah serba baru

Seiring dengan hasrat untuk mendekatkan komuniti pengguna ePerolehan, Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan Malaysia dan Commerce Dot Com Sdn. Bhd. telah membuat perancangan untuk melebarkan perkhidmatan melalui cawangannya ke seluruh negeri di Malaysia.

Sehingga kini, cawangan Pusat ePerolehan di luar Lembah Kelang iaitu di Perak, Johor dan Pulau Pinang telah mula beroperasi dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan PTJ dan Pembekal.

Cawangan Pusat ePerolehan ini beroperasi di Bangunan Kerajaan Persekutuan bagi membolehkan PTJ dan Pembekal yang berdekatan mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan di bawah satu bumbung dengan lebih dekat lagi dengan berkonsepkan 'mesra pelanggan'.

Komuniti ePerolehan di bandar-bandar lain juga bakal menikmati cawangan Pusat ePerolehan ini apabila ianya bakal diperluaskan melalui pelaksanaan Fasa 2 ke



Imbas kembali Pejabat Pendaftaran Kontraktor dan juga Pusat ePerolehan, Kementerian Kewangan Malaysia pada tahun 2004

beberapa buah negeri lagi pada tahun 2009. Terima kasih diucapkan kepada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kerja Raya Malaysia, Jabatan Kerja Raya peringkat negeri dan semua pengurus bangunan di atas kerjasama yang telah diberikan.

Kunjungi dan alamilah Pusat ePerolehan yang berwajah serba baru, mesra pelanggan dan moden ini di bandar-bandar yang berdekatan dengan anda.

Pusat ePerolehan Ipoh



Tingkat Bawah, Blok C
Bangunan Persekutuan Ipoh
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh, Perak
Tel: 05-253 5567

Tarikh mula operasi: 14 April 2008

Pusat ePerolehan Johor Bahru



Tingkat Bawah, Blok A
Wisma Persekutuan Johor Bahru
Jalan Ayer Molek
80551 Johor Bahru
Tel: 07-223 8880

Tarikh mula operasi: 2 Jun 2008

Pusat ePerolehan Pulau Pinang



Tingkat Bawah,
Bangunan Persekutuan,
Jalan Anson,
10400, Pulau Pinang.
Tel: 04-227 8780

Tarikh mula operasi: 2 Sept 2008

Ilustrasi Pusat ePerolehan



Aktiviti ePerolehan Sepintas Lalu Tahun 2008



Kunjungan oleh Ministry of Finance, Saudi Arabia
Tarikh: 1 Februari 2008



Kunjungan oleh Bahagian eKL, MAMPU
Tarikh: 22 Februari 2008



Majlis Penyampaian Hadiah bersempena Promosi Pakej Merdeka ePerolehan 2007 untuk pembekal
Tarikh: 11 Mac 2008
Lokasi: Hotel DePalma, Shah Alam



Lawatan ePerolehan ke Public Procurement Service, Republik Korea
Tarikh: 27 - 28 Februari 2008
Lokasi: Kompleks Kerajaan Daejeon, Republic Korea



Lawatan Pejabat Bendahari Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor
Tarikh: 22 Februari 2008



Penerbitan Direktori ePerolehan edisi Ke-4, 2008
Tarikh: 12 Mei 2008



Hari Keluarga unit ePerolehan dan CDC
Tarikh: 11 - 13 April 2008
Lokasi: Hotel Equatorial, Cameron Highlands, Pahang



Sesi Brainstorming ePerolehan 2008 diantara unit ePerolehan dan CDC
Tarikh: 27 - 28 Februari 2008
Lokasi: Hotel UNITEN, Kajang



Lawatan dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Tarikh: 19 Mac 2008



CDCSB Movie Outing
Tarikh: 8 Jun 2008
Lokasi: TGV, KLCC



Taklimat Umum Pelaksanaan Modul Sebut Harga dan Tender kepada PTJ
Tarikh: 24 - 26 Jun 2008
Lokasi: Dewan Teater, Perbendaharaan Malaysia Putrajaya



Pameran eP sempena Persidangan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Sektor Awam 2008
Tarikh: 31 Julai - 1 Ogos 2008
Lokasi: Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya



Pameran ePerolehan sempena Minggu Promosi Kerajaan Elektronik di Parlimen
Tarikh: 25 - 26 Ogos
Lokasi: Ruang Legar, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur



Pameran ePerolehan sempena WCIT 2008
Tarikh: 18 - 22 Mei 2008
Lokasi: Kuala Lumpur Convention Centre



Majlis Silaturahmi Aidilfitri ePerolehan 2008 bersama-sama dengan tetamu-tetamu kecil dari Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, KL
Tarikh: 17 Oktober 2008
Lokasi: Restoran Felda Villa, Kuala Lumpur



Jadual Latihan dan MHH Bersepadu ePerolehan Tahun 2009 di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

BULAN	TARIKH MENGIKUT TEMPAT (INTAN)					
	INTAN KIARA	INTIM	INTURA	IKWAS	INTAN SBH	INTAN SWK
Alamat	Blok D, Pusat Kewangan, Intan Bukit Kiara, Kuala Lumpur.	Intan Kampus Wilayah Timur (INTIM), Peti Surat 65, 24007 Kemaman, Terengganu.	Kampus INTAN Wilayah Utara (INTURA), Jalan Kuala Ketil, Peti Surat 94, 08000 Sungai Petani, Kedah.	Intan Wilayah Selatan (IKWAS), Batu 2, Jalan Batu Pahat, Peti Surat 141, 86007 Kluang Johor.	Intan Kampus Sabah, Tingkat 17 Wisma Perindustrian, Jalan Istiadat, Likas, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.	Intan Kampus Sarawak, No. 37, Jalan Badrudin, 93000 Kuching Sarawak.
JANUARI	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA
FEBUARI	09/02 - 11/02 (TOT)	TIADA	TIADA	10/02 (PTJ ADM 1/09) 11/02 (PTJ ADM 2/09)	TIADA	24/02 (PTJ ADM 1/09) 25/02 (PTJ ADM 2/09)
MAC	10/03 - 12/03 23/03 - 25/03	TIADA	15/03 - 17/03 17/03 - 19/03	24/03 - 26/03	24/03 - 26/03	TIADA
APRIL	06/04 - 08/04 20/04 - 22/04	30/03 - 01/04 TIADA	26/04 - 28/04 28/04 - 30/04	TIADA	07/04 - 09/04 21/04 - 23/04	13/04 - 15/04 15/04 - 17/04
MEI	11/05 - 13/05 25/05 - 27/05	TIADA	TIADA	TIADA	26/05 - 28/05	TIADA
JUN	TIADA	TIADA	28/06 - 30/06 30/06 - 02/07	02/06 - 04/06	23/06 - 25/06	TIADA
JULAI	06/07 - 08/07 20/07 - 22/07	13/07 - 15/07	TIADA	TIADA	TIADA	13/07 - 15/07 15/07 - 17/07
OGOS	TIADA	24/08 - 26/08	16/08 - 18/08 18/08 - 30/08	TIADA	TIADA	03/08 - 05/08 05/08 - 07/08
SEPTEMBER	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA
OKTOBER	TIADA	TIADA	TIADA	06/10 - 08/10	TIADA	05/10 - 07/10 07/10 - 09/10
NOVEMBER	TIADA	23/11 - 25/11	15/11 - 17/11 17/11 - 19/11	TIADA	TIADA	TIADA
DISEMBER	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA
JUMLAH SESI	8	4	10	4	5	9

Jadual Taklimat Pembekal ePerolehan Anjuran Bersama Unit ePerolehan dan CDCSB tahun 2009

Bil.	Bulan	Tarikh	Negeri
1	Mac	11 & 12 Mac 2009	Johor
		25 & 26 Mac 2009	Negeri Sembilan
2	April	8 & 9 April 2009	Pulau Pinang
		22 & 23 April 2009	Perak
3	Jun	10 & 11 Jun 2009	Kedah
		24 & 25 Jun 2009	Pahang
4	Julai	15 & 16 Julai 2009	Kelantan
		29 & 30 Julai 2009	Terengganu
5	Ogos	18 & 19 Ogos 2009	Melaka
6	Oktober	21 & 22 Okt 2009	Sabah
7	November	11 & 12 Nov 2009	Sarawak

* Sebarang perubahan tarikh tertakluk kepada lokasi. Sila layari laman web ePerolehan www.eperolehan.gov.my untuk maklumat terkini.



Tan Sri Mohd. Sidek Hassan
Ketua Setiausaha Negara

“Tumpuan juga perlu diberikan kepada pembangunan sistem, aplikasi dan saluran penyampaian perkhidmatan yang kurang menggunakan kertas dan tenaga seajar dengan dasar perbelanjaan berhemah serta membantu meringankan beban kos pengguna. Dengan amalan sedemikian, gaya hidup kita akan menjadi lebih mudah, senang serta ringkas untuk bergerak ke arah mencapai matlamat yang satu, negara yang gemilang dan terbilang.”

Majlis Perasmian Persidangan Ketua-ketua Pegawai Maklumat (C10) Sektor Awam, 2008

Pameran ePerolehan sempena WCIT 2008



Tarikh: **18 – 22 Mei 2008**

Lokasi: **Pusat Konvensyen Kuala Lumpur**

Penganjur: **Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.**

Penganjuran Kongres ICT Sedunia ke-16 2008 atau *16th World Congress of Information Technology 2008* (WCIT 2008) yang telah dihoskan oleh Malaysia pada 18 hingga 22 Mei 2008 dianggap antara acara terbaik yang pernah dianjurkan.

Acara antarabangsa yang diumpamakan sebagai “Olimpik ICT sedunia” ini diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan telah dihadiri oleh lebih 50,000 pengunjung termasuk sejumlah 6,000 delegasi dan 44,000 rakan niaga dari 80 negara. Pelbagai sesi forum dan pameran telah diadakan sepanjang 5 hari tersebut. Dianggarkan sebanyak RM300 juta nilai pelaburan dan perjanjian keseluruhan telah dimeterai.

Unit ePerolehan dan Commerce Dot Com Sdn. Bhd. juga berkesempatan mengambil bahagian dalam pameran tersebut yang bertujuan untuk mempromosi Sistem ePerolehan di platform bertaraf antarabangsa. Sistem ePerolehan ditempatkan di dua kaunter pameran yang berbeza iaitu di bahagian Kerajaan Elektronik dan kaunter pameran Commerce Dot Com

Sdn. Bhd. dengan keluasan ruang keseluruhan sebanyak 200 kaki persegi.

Sebanyak 2,500 pengunjung tempatan dan antarabangsa telah mengunjungi kaunter-kaunter ePerolehan tersebut. Pelbagai risalah, demonstrasi dan cenderahati telah diedarkan kepada orang ramai. Kaunter ePerolehan telah menarik minat ramai pengunjung berikutan persembahan kaunter yang menarik dan inovatif serta para petugas yang ramah dalam menyampaikan informasi berkenaan ePerolehan.

Penganjuran pameran ePerolehan tersebut dianggap berjaya kerana telah menarik banyak minat delegasi dari luar negara terutama dari negara-negara Timur Tengah dalam pelaksanaan Sistem ePerolehan. Mereka juga menunjukkan minat untuk mengadaptasi sistem perolehan elektronik yang berlandaskan model Sistem ePerolehan. Pada masa yang sama, pengunjung tempatan juga berpeluang mendapat maklumat dan penerangan berkenaan kaedah sistem perolehan elektronik Kerajaan yang telah mula digunapakai secara meluas oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan seluruh negara.



Lawatan Rasmi ke Pusat Agensi Perolehan (Public Procurement Service) di Republik Korea



Satu lawatan rasmi ke Pusat Agensi Perolehan (*Public Procurement Service*) telah diadakan dari 12 hingga 16 Februari 2008 dengan tujuan untuk mempelajari secara mendalam kecanggihan pelaksanaan sistem perolehan elektronik Kerajaan Republik Korea yang dikenali sebagai *Korean On-Line E-Procurement System (KONEPS)*. Sistem ini diperakui sebagai salah satu sistem perolehan elektronik yang terbesar di dunia dan telah menerima pelbagai anugerah IT antarabangsa termasuk *Global IT Excellent Award* oleh *World Information Technology and*

Series Alliance (WITSA) pada tahun 2007 dan *Best Practice Model (e-Procurement)* oleh *United Nation* pada tahun 2004.

Pelaksanaan KONEPS yang merangkumi kecanggihan aplikasi, arkitektur, infrastruktur dan sumber tenaga manusia akan dijadikan pengukur kepada pelaksanaan Sistem ePerolehan di Malaysia. Tumpuan utama KONEPS adalah kebolehan untuk berantaramuka dengan 88 Agensi luar, penggunaan PKI tanpa token iaitu menggunakan *software certificate (softcert)*, dapat melakukan perolehan kerja (*work*), penggunaan oleh pembekal tempatan dan juga antarabangsa, kebolehan berinteraksi dengan sistem inventori dan penggunaan yang tinggi sehingga mencecah nilai transaksi berjumlah US44 Bilion pada tahun 2006. Hasil daripada lawatan tersebut, didapati pada amnya Sistem ePerolehan tidak banyak berbeza dengan KONEPS. Masing-masing mempunyai ciri-ciri yang direkabentuk berasaskan kepada dasar perolehan tertentu. Berbanding Sistem ePerolehan, KONEPS telah berkembang sepenuhnya kerana tahap penerimaan dan penggunaan ICT di republik tersebut adalah meluas.

Antara peserta yang menyertai rombongan tersebut adalah Pegawai-Pegawai Unit ePerolehan, Pegawai-Pegawai Bahagian Perolehan Kerajaan (Perbendaharaan Malaysia), Pegawai MAMPU, Pegawai Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Pegawai-pegawai dari Commerce Dot Com Sdn. Bhd.



Anugerah-Anugerah yang telah diperolehi:

AFACT: Electronic Business in Public Sector e-Asia Award 2007 (August 2007)

WITSA: Global IT Excellence Award (May 2006)

UN: Best Practice Model e-Supply (November 2004)

OECD: Contributed to the spread of IT to private sector (May 2004)

UN: Public Service Award (June 2003)

Lawati laman web Public Procurement Service Korea di www.pp.go.kr untuk mengetahui lebih lanjut mengenainya.



KLINIK GOLF PERCUMA

Dibawakan untuk anda oleh Commerce Dot Com




Dikendalikan oleh jurulatih berpengalaman: En Amril Latiff

Adakah anda:

- Ingin menajamkan lagi permainan anda?
- Ingin mendapatkan tips-tips permainan yang baik?
- Ingin mengetahui asas-asas permainan golf?
- Ingin menambahkan pengetahuan mengenai format pertandingan golf?
- Ingin meluangkan masa untuk beriadah dan mencuba sesuatu yang baru?

Inilah peluang keemasan

untuk semua komuniti ePerolehan mempelajari teknik-teknik permainan golf. Program ini dibawakan PERCUMA oleh CDC dan terbuka kepada pengguna eP dari PTJ dan Pembekal



Sertai Klinik Golf ePerolehan pada:

Tarikh: 14 Mac 2009

Waktu: 9:00 pagi hingga 12:00 tgh

Lokasi: Montez Golf & Country Club
No.1, Jalan Merah Kesumba U9/18, Seksyen U9
40000 Shah Alam.

● PENYERTAAN ADALAH PERCUMA DAN TERHAD UNTUK 20 PESERTA SAHAJA

Terma dan Syarat Penyertaan:

- Terbuka kepada lelaki dan wanita berumur 16 tahun ke atas
- Setiap penyertaan adalah terhad kepada 2 orang sahaja
- Penyertaan adalah terhad kepada 20 orang berdasarkan siapa yang terdahulu
- Pihak penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kecederaan/kemalangan semasa program dijalankan
- Permohonan yang berjaya akan dihubungi melalui telefon dan emel
- Pihak penganjur berhak membuat perubahan lokasi, masa dan tarikh program tersebut

BORANG PENYERTAAN KLINIK GOLF ePEROLEHAN

Nama Peserta:

Umur:

Agensi/Syarikat:

Alamat:

Tel. no.:

H/P no.:

Emel:

Untuk pendaftaran, emelkan nama, syarikat/agensi kepada hafidz@commercedc.com.my

KINI BERWAJAH BARU



Lawati kami di,
www.commercedc.com.my